

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 17 TAHUN 1977

Penyelarasan gaji dan kemudahan-kemudahan (perquisites) bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang dipinjamkan ke Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan mengenai perubahan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia mengikut Laporan Jawatankuasa Gaji Kabinet tidak meliputi pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat di Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan atas dasar pinjaman. Dengan hal yang demikian, perkhidmatan mereka di Badan-badan tersebut adalah terus dikekalkan dengan tertakluk kepada syarat-syarat pinjaman mereka yang sedia ada. Walau bagaimanapun Kerajaan telah bersetuju supaya gaji dan kemudahan-kemudahan pinjaman mereka diselaraskan mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet seperti yang ditunjukkan dalam Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan. Penyelarasan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1.7.1977.

2. Penyelarasan tersebut hendaklah dilakukan seperti berikut:-

i) **Gaji:**

(a) Jika pegawai dipinjamkan atas tanggagaji hakiki jawatan pinjaman mengikut tanggagaji Harun, maka penyelarasan hendaklah dibuat ke tanggagaji Kabinet bagi jawatan itu mengikut sifir-sifir pemindahan yang dijadualkan.

(b) Jika pegawai dipinjamkan atas tanggagaji Harun secara Khas Untuk Penyandang dan tidak atas tanggagaji hakiki jawatan pinjaman itu, maka penyelarasan hendaklah dilakukan kepada tanggagaji Khas Untuk Penyandang mengikut sifir-sifir pemindahan yang disebutkan dan tidak kepada tanggagaji hakiki jawatan itu.

Contoh:

Pegawai 'A' telah dipinjamkan sebagai Pengurus Besar, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Perak atas tanggagaji A10-1 (Harun) \$1600x75-1900 (Khas Untuk Penyandang). Tanggagaji hakiki jawatan itu ialah A9 (Harun) \$1900, 1975, 2050, 2125. Bagi tujuan penyelarasan ke tanggagaji baru, tanggagaji pinjaman beliau hendaklah dipindahkan atas tanggagaji A10-1 (Harun) mengikut sifir pemindahan, iaitu kepada tanggagaji A11 di bawah Jadual

Bilangan Sifir Pemindahan Gaji BB 5022, dan tidak atas tanggagaji A10 (Kabinet).

ii) **Kemudahan-kemudahan:**

Jika sekiranya ada kadar-kadar mengenai kemudahan-kemudahan yang telah diubah dalam Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan, maka kadar-kadar baru itu hendaklah dilaksanakan mulai 1.7.1977. Sekiranya ada kemudahan-kemudahan yang telah dihapuskan, maka kemudahan-kemudahan itu tidaklah boleh dikekalkan lagi mulai 1.7.1977.

3. Sebagaimana disebutkan di atas penyelarasan ini dilaksanakan berkuatkuasa mulai daripada 1.7.1977 dan dengan demikian meliputi hanya pegawai-pegawai yang sedang berada dalam pinjaman pada tarikh itu. Walau bagaimanapun Kerajaan sedang menimbangkan soal penyelarasan gaji pegawai-pegawai pinjaman termasuk pemberian kenaikan-kenaikan gaji dan juga tunggakan gaji, di mana berkenaan, bagi pegawai-pegawai yang dipinjamkan pada tarikh 1. 1. 1976 dan selepasnya. Perkara ini akan diputuskan kemudian dan pihak-pihak yang berkenaan akan dimaklumkan selanjutnya. Tujuan Surat Pekeliling ini ialah bagi membolehkan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan melaksanakan penyelarasan gaji pegawai-pegawai pinjaman ke tanggagaji baru Kabinet mulai dari tarikh 1.7.1977 sahaja.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD TAJUDIN BIN MUHD DARUS)
Pengarah Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Semua Pihak Berkuasa Badan-badan Berkanun Berkenaan

Semua Pihak Berkuasa Kuasa-kuasa Tempatan Berkenaan

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kementerian

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Sernua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

